

Najib, Jiabao rasmi Taman Industri Qinzhou
Utusan Online
01 April, 2012
Daripada NORAINI ABD. RAZAK

NANNING, China 31 Mac - Malaysia melakar satu lagi sejarah penting dalam hubungan dua hala dengan China apabila diberi kepercayaan untuk bekerjasama bagi merealisasikan Taman Perindustrian Qinzhou (QIP) China-Malaysia di Guangxi, kira-kira 100 kilometer dari sini.

Kerjasama gabungan syarikat swasta dan awam dari kedua-dua negara itu akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawat Wen Jiabao dalam satu majlis meletak batu asas di QIP, esok.

Malaysia merupakan negara kedua selepas Singapura memperoleh kepercayaan daripada kerajaan China untuk membangunkan sebuah taman perindustrian yang menyediakan pelbagai peluang pelaburan serta perniagaan kepada negara serantau dan juga global.

Sambil menyifatkan kerjasama terbaru itu sebagai amat penting, Duta Besar Malaysia ke Republik Rakyat China, Datuk Iskandar Sarudin berkata, idea taman perindustrian itu dipersetujui Najib dan Jiabao semasa pertemuan di sini Oktober lalu.

“Perdana Menteri berjanji selepas enam bulan beliau akan kembali ke Nanning untuk menyempurnakan hasrat yang telah dipersetujui kedua-dua pemimpin.

“Restu serta persetujuan kerajaan China menunjukkan betapa pentingnya hubungan dua hala antara kedua-dua negara sehingga membawa kepada kewujudan QIP ini,” katanya kepada media Malaysia di sini hari ini.

Lawatan rasmi Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor ke China antara lain tertumpu kepada upacara menandatangani perjanjian berkaitan pelaksanaan QIP tersebut .
- mINGGUAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0401&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_07.htm